

## Cabaran Penghafal al-Quran Zaman Teknologi Digital



Oleh: Nur Athirah Ramli

*Universiti Sains Islam Malaysia*

*Diterbitkan pada 5 Jun 2021*

Setiap sudut dan ruang di dalam masjid as-Syatibi bergema dengan alunan merdu yang dilontarkan oleh para hafiz yang sedang asyik menghayati bait-bait kalam suci al-Quran.

Suasana tenang jelas terasa memenuhi bumi penuh keberkatan itu. Itulah perasaan yang menyelimuti saya ketika menziarahi Institut Al-Quran Terengganu pada awal tahun lalu.



Gambar Hiasan

Golongan penghafal al-Quran ini juga giat menyertai acara tahunan Majlis Tilawah dan Menghafal Al-Quran (MTHQ) yang diadakan sejak tahun 1960 sekali gus membuktikan generasi pencinta al-Quran semakin berkembang di Malaysia.

Namun, tidak dinafikan pada zaman teknologi tinggi ini terdapat pelbagai cabaran bagi menjadi seorang penghafal al-Quran yang berkualiti.

Menurut Ketua Program Pengajian Qiraat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Zainora Daud, jika dilihat dari aspek yang lebih luas, penghafal al-Quran berkualiti dapat memberi impak positif kepada diri sendiri dan masyarakat.

Beliau juga berpandangan, penghafal al-Quran era kini berhadapan dengan ujian lebih mencabar yang dapat mengganggu fokus proses penghafalan al-Quran seperti ketagihan penggunaan telefon pintar.

Segala kemudahan di hujung jari yang terdapat dalam telefon pintar seperti aplikasi media sosial, permainan dan membeli-belah menyebabkan pengguna meluangkan terlalu banyak masa dengan peranti itu.

Penulis buku 'Aku dan al-Quran', Ustazah Syaurah Ishak berkongsi kata-kata gurunya yang berbunyi, "Jika kamu tidak mempunyai waktu untuk membaca al-Quran walaupun sedikit, namun mempunyai waktu untuk urusan lain-lain, maka ketahuilah kamu bukanlah orang yang sibuk tetapi orang yang terhalang dari melakukan kebaikan."

Jelaslah bahawa pesanan itu dapat menjentik hati-hati yang merindukan ketenangan untuk beribadah bersama al-Quran.

Bertitik tolak dari itu, tidak dapat disangkal bahawa kepesatan teknologi canggih juga banyak membantu para hafiz dalam proses pembelajaran mereka.

Contohnya, pelbagai aplikasi telah dikeluarkan agar golongan berkenaan bergerak sejajar dengan arus kemodenan. Antaranya aplikasi 'EzHifz: Quran Memorization Mobile Application' yang diperkenalkan oleh sekumpulan penyelidik daripada Fakulti Sains dan Teknologi (FST) USIM dan diketuai oleh Ts. Dr Zulkifly Mohd Zaki.

Sementara itu, antara cabaran yang paling besar bagi penghafal al-Quran sejak generasi dahulu hingga kini adalah jihad melawan hawa nafsu.

Sheikh Said Hawa dalam Al-Asas Fit Tafsir berpandangan, melawan hawa nafsu bermaksud menundukkan nafsu supaya mengikut kehendak Allah SWT dalam setiap perkara.

Apabila nafsu dapat dikalahkan, seseorang manusia akan mengutamakan perkara yang dicintai Allah SWT dan mengetepikan kehendak peribadi.

Bagi mengatasi cabaran ini, penghafal al-Quran perlu menerapkan amalan-amalan sunnah Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian agar kecintaan dan takwa kepada Allah SWT sentiasa dipupuk.

Dalam kitab Ihya' Ulumuddin, karya agung Imam Al-Ghazali, beliau menyatakan, antara tanda kecintaan hamba kepada Allah SWT adalah dia mengutamakan perkara disukai Allah SWT daripada kehendak nafsu peribadi, sama ada dalam aspek zahir dan batin.

Maka, penghafal al-Quran perlulah sanggup melawan hawa nafsu kerana amanah hafalan yang diberi oleh Allah SWT merupakan satu tanggungjawab yang besar.

Para penghafal al-Quran juga seharusnya membetulkan niat sebagaimana hadis riwayat Imam Bukhari, Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat dan sesungguhnya setiap orang mengikut yang dia niat."

Dengan itu, cabaran-cabaran yang dihadapi dapat dibendung melalui niat dan kehendak yang ikhlas dalam menghafal al-Quran. Kesudahannya, akan lahir golongan penghafal al-Quran berkualiti yang dapat memberi manfaat kepada generasi akan datang.

